

**Ucapan Pengerusi
LPM Hajjah Rahimabi Kebun Limau
Majlis Hi Tea & Sambutan 25-Tahun
Sabtu, 29 May 2010 Di Orchid Country Club**

Yang Berhormat,
Dr Yaacob Ibrahim
Menteri Sekitran dan Sumber Air
dan Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam

Yang Berhormat
En Heng Chee How,
Menteri Di Pejabat Perdana Menteri

Yang Berbahagia
Tuan Hj Mohd Alami Musa
Presiden Majlis Ugama Islam Singapura

Yang Berbahagia
Tuan Haji Abdul Razak Hassan Maricar
Setiausaha Majlis Ugama Islam Singapura

Para Pemimpin Akar Umbi Whampoa

Para Tetamu Undangan & Dermawan

Wakil-wakil Masjid dan Pertubuhan Melayu/Islam

Hadirin dan Hadirat Sekelian

Assalamualaikum Wr Wb (dan Selamat Petang),

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. yang telah memberi kita kesihatan dan kesempatan untuk hadir di majlis pada hari ini.

2. Majlis Hi-Tea ini bertujuan untuk mencari dana bagi kerja-kerja peningkatan untuk bangunan Masjid Hajjah Rahimabi Kebun Limau yang telah berusia 25 tahun. Pada usia tersebut, bangunan masjid nampak kian tua dan ruang prasarananya telah usang, ia memerlukan pembaikan dengan kos yang agak tinggi.

3. Apabila Menteri Dr Yaacob Ibrahim mengumumkan yang Masjid Hajjah Rahimabi Kebun Limau dan beberapa masjid lain telah dipilih untuk menjalani projek baik pulih dan peningkatan, para anggota LPM kami amat bersyukur kerana kami kira masanya amat sesuai untuk bangunan masjid yang ketika 25 tahun dahulu boleh dikatakan cukup lengkap, kini sudah kurang sesuai untuk menampung khidmat yang diperlukan oleh jemaah dan masyarakat hari ini.

Begitu ketara kemajuan dan aspirasi masyarakat sepanjang 25 tahun dahulu hingga kini, begitu juga prasarana masjid perlu juga dipertingkatkan sejajar dengan kemajuan tersebut.

4. Kami amat tersentuh dan amat bersyukur apabila diberitahu Muis bahawa masjid juga akan meraih manfaat dari sumbangan dana MBMF untuk menampung sebahagian dari kos peningkatan, Alhamdulillah.

5. Untuk menampung kos selebihnya, LPM Hjh Rahimabi Kebun Limau, telah menyusun beberapa projek bagi pengumpulan dana sebanyak \$500,000. Antaranya ialah Jualan Amal, Golf Amal, projek wakaf dan sebagainya. Kami mengharap sokongan semua untuk usaha-usaha ini.

6. Pada hari ini, kami amat berterima kasih kepada **Menteri Dr Yaacob Ibrahim** yang dapat meluangkan masa bagi melancarkan usaha-usaha mencari dana kami serta merasmikan reka-bentuk bangunan baru Masjid Hajjah Rahimabi Kebun Limau. Saya yakin ramai di sini ternanti-nanti akan reka-bentuk tersebut.

7. Selanjutnya ucapkan terima kasih kepada **En. Heng Chee How**, Anggota Parlimen dan Penasihat Akar Umbi kawasan undi Whampoa dan juga rakan-rakan daripada Kelab Masyarakat Whampoa yang telah banyak membantu kami menjayakan majlis Hi Tea ini.

8. Tidak lupa ucapan terima kasih tak terhingga kami kepada **hadirin dan hadirat** sekalian yang telah menyahut seruan kami dan memberi sumbangan kepada kejayaan projek Hi Tea Amal ini. Ini termasuk **artis-artis mapan dari bekas Studio Jalan Ampas** (*yang terletak hampir dengan lokasi masjid*) yang turut sama menjayakan majlis ini. Kami sangat-sangat mengharapkan bantuan berterusan daripada semua hingga selesai projek peningkatan ini dan juga terhadap kegiatan-kegiatan yang bakal kami anjurkan nanti.

9. Akhir sekali, saya bagi pihak LPM ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan pada Muis, serta pengurus projek Warees Investment serta para perunding cara yang telah berusaha konsep reka-bentuk bangunan masjid yang baru ini. Kami amat menghargai bantuan Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Hadirin sekalian,

10. Sesungguhnya, kejayaan sesebuah institusi tidak semata-mata terletak pada wajah dan reka-bentuknya. Yang lebih penting ialah pengisiannya. Kami berharap dengan prasarana yang lebih baik dengan ciri-ciri yang mesra-keluarga, mesra-belia dan mesra-masyarakat, insya-Allah LPM Hajjah Rahimahbi Kebun Limau akan terus melakarkan dan menggiatkan program pembelajaran Islam untuk belia (seperti aLIVE) dan untuk para dewasa. Juga, program Pembangunan Sosial dan usaha mendekati masyarakat akan dipergiatkan lebih gigih lagi. Kami yakin, transformasi ini juga akan mendatangkan kebaikan kepada seluruh masyarakat Singapura umumnya dan masyarakat setempat di kawasan Kim Keat, Whampoa dan Balestier khususnya, Insya Allah. **Semoga segala usaha baik kita diterima dan diberkati Allah s.w.t. , Amin.**

Wabillahit Taufik Wal Hidayah. Wassalamualaikum Wr Wb.